

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 MAY 2015

# Najib lawat peserta TEKUN

BH- 1/5/2015

» PM luang masa tinjau perkembangan usahawan di Kampung Baru

Oleh Mohd Hamizar Hamid  
mizar@bh.com.my

► Kuala Lumpur



Najib bersama kakitangan 2H Auto workshop ketika melawat bengkel itu di Kampung Baru, semalam.

**D**alam kesibukan menjalankan tugas harian, Datuk Seri Najib Razak semalam meluangkan masa melawat lima peserta Program Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), termasuk bengkel seorang orang kurang upaya (OKU), sekitar Kampung Baru, di sini, semalam.

Dalam entri bergambar yang dimuat turun dalam Twitter dan Facebook, Perdana Menteri Najib yang berke meja putih, ditemani Penge-

rusi TEKUN Nasional, Nor Azifah Abdul Rahman serta Ketua Pegawai Eksekutifnya, Baharom Embi tiba di bengkel 2H Auto Workshop yang diusahakan Zaharul-Lail Alang Teh kira-kira jam 1 tengah hari.

"Sebentar tadi saya melawat Bengkel 2H Auto Workshop yang dikelolakan oleh Zaharul, antara pengusaha OKU paling berjaya di Kampung Baru," katanya.

Selain Zaharul, penerima

lain yang turut bersama Perdana Menteri ialah pengusaha makanan beku, Fatimah Anis Ibrahim; pemilik kilang perabot, Rugayah Malik; pengusaha kedai cenderahati, Rozalfikar Abdul Rahman dan pengeluar baju, Kornia Naiee.

**Makan tengah hari bersama**  
Dalam kesempatan itu, Najib bersama semua peserta Program TEKUN berkenaan singgah menikmati makan tengah

hari di Restoran Matahari Katering.

Pembiayaan yang ditawarkan menerusi Program TEKUN adalah antara RM1,000 hingga RM100,000 dengan tempoh pembayaran balik antara enam bulan hingga 10 tahun.

Sejak ditubuhkan pada tahun 1988 hingga 31 Mac lalu, TEKUN Nasional memberikan pinjaman sebanyak RM3.34 bilion kepada 399,769 penerima seluruh negara.